JEGATHESON SUBRAMANIAM & SATU LAGI lwn. FITHRIL HAKIM AB JALIL (DALAM KAPASITINYA SEBAGAI TIMBALAN PENDAKWA RAYA JOHOR) & KES YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MAT GHANI ABDULLAH PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: JA-44-54-07-2017, JA-44-69-07-2017 & JA-44-70-07-2017]
15 MAC 2018

PROSEDUR JENAYAH: *Penghinaan mahkamah – Pembelaan – Mahkamah membenarkan permohonan perintah pengkomitan terhadap Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') – Notis tunjuk sebab – Alasan-alasan kegagalan mematuhi arahan mahkamah – Sama ada terdapat salah faham dalam arahan mahkamah – Sama ada TPR ingkar arahan mahkamah atas arahan ketua – Sama ada TPR bertindak secara cuai, sengaja atau dengan niat jahat – Sama ada pihak-pihak diprejudiskan atau mengalami kemudaratan – Sama ada pertuduhan penghinaan mahkamah dibuktikan melampaui keraguan munasabah*

BIDANG KUASA: *Mahkamah Tinggi – Doktrin bidang kuasa sedia ada – Sama ada bidang kuasa sedia ada Mahkamah Tinggi terhad untuk menyemak semula prosiding jenayah dan perkara-perkara dari mahkamah rendah – Sama ada Mahkamah Tinggi boleh menyemak semula keputusan sendiri – Sama ada mahkamah mempunyai kuasa sedia ada mengelak kelewatan atau perbicaraan tertunda – Akta Mahkamah Kehakiman 1964, ss. 3, 25 & 31 – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 4, 5, 323, 324, 325, 326 & 327*

Tertuduh-tertuduh ('OKT1 dan OKT2') dituduh bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Sebelum permulaan perbicaraan yang dijadualkan pada 10 April 2017, kedua-dua OKT memfailkan notis usul memohon agar pakar lantikan mereka, Pang Chan Kok William ('PCK'), diberi kebenaran memeriksa salinan asal senarai geledah bertarikh 19 April 2016 dan salinan asal rakaman percakapan s. 112 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') oleh OKT2 bertarikh 24 April 2016 di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Johor pada masa dan tarikh yang ditetapkan mahkamah. Alasan bagi permohonan tersebut adalah bahawa PCK, yang telah memeriksa salinan fotokopi kedua-dua dokumen tersebut, mengeluarkan laporan awal mengatakan bahawa terdapat bukti kukuh yang menunjukkan OKT2 tidak menandatangani dokumen tersebut. Walau bagaimanapun, TPR menyatakan jika mahkamah mengarahkan atau membenarkan dokumen-dokumen tersebut diperiksa, ia boleh dilakukan di mahkamah. Berdasarkan persetujuan TPR, dan memandangkan kedua-dua dokumen tersebut tergolong bawah s. 51A KTJ, yang mana, pada asasnya, tertuduh berhak memperoleh sesalinan untuk penyediaan pembelaannya, mahkamah membenarkan permohonan responden untuk memeriksa kedua-dua dokumen tersebut pada 23 April di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Johor. Malangnya, pada tarikh

yang ditetapkan, TPR gagal mematuhi perintah mahkamah. Lanjutan itu, tertuduh memfailkan notis usul *ex parte* memohon kebenaran untuk satu perintah pengkomitan terhadap TPR kerana ingkar mematuhi perintah bertarikh 10 April 2017. Timbalan Pendakwa Raya pula memfailkan notis usul memohon penggantungan perintah pelaksanaan bertarikh 10 April 2017 dan satu lagi notis usul bahawa perintah bertarikh 10 April 2017 tidak teratur. Mahkamah memberi kebenaran untuk permohonan perintah pengkomitan dan notis tunjuk sebab dikeluarkan dan diserahkan kepada TPR. Dalam notis tunjuk sebabnya, TPR menyatakan bahawa beliau tidak melakukan penghinaan mahkamah dengan sengaja tidak menghiraukan dan mematuhi perintah mahkamah, antara lain, disebabkan (i) dia tidak dibenarkan memfailkan afidavit balasan; dan (ii) arahan ketua beliau, Pengarah Pendakwaan Negeri.

Diputuskan (menolak permohonan pengkomitan terhadap TPR):

(1) Meneliti nota keterangan, tiada keterangan yang menunjukkan mahkamah tidak membenarkan TPR memfailkan afidavit jawapan untuk permohonan OKT. Persetujuan TPR, yang mempunyai kuasa dan pengetahuan tentang kes tersebut untuk memutuskan apa-apa tindakan berkaitan kes tersebut dari meja peguam, adalah memadai untuk menjawab permohonan tanpa perlu mengemukakan afidavit jawapan yang akan dideposkan oleh TPR sendiri. Pengataan lisan TPR jelas menunjukkan pada dasarnya dan hakikatnya, beliau bersetuju agar kedua-dua dokumen asal tersebut diperiksa oleh pakar lantikan OKT. Malahan, TPR sendiri yang telah memberi tarikh yang sesuai untuk pakar tersebut hadir ke Pejabat Pendakwaan Negeri Johor untuk pemeriksaan dokumen-dokumen tersebut. Dengan itu, tidak benar untuk TPR mendakwa dan menuduh mahkamah tidak membenarkan beliau memfailkan afidavit jawapan. (perenggan 19-21)

(2) Yang dipohon OKT2 adalah sesuatu yang dia berhak dan sah di sisi undang-undang serta wajar diberikan untuk penyediaan pembelaannya. Dokumen tersebut tergolong dalam kategori s. 51A KTJ dan kesemua salinan dokumen telah pun dibekalkan kepada OKT. Tiada sebab untuk pihak pendakwaan menafikan pemeriksaan dokumen asal oleh responden melainkan pihak pendakwaan ingin menyembunyikan sesuatu atau mempunyai niat terselindung. Tambahan lagi, OKT, dalam afidavit pakar mereka, menyatakan bahawa terdapat bukti kukuh yang menunjukkan OKT2 tidak menandatangani dokumen tersebut, atau dengan kata lain, ada sebab untuk mempercayai tandatangan OKT2 telah dipalsukan. Oleh itu, demi pentadbiran keadilan dan hak yang sepatutnya diperolehi dari segi undang-undang, OKT berhak mendapat apa yang dipohonnya. (perenggan 23 & 25)

(3) Menurut s. 31 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') dan ss. 323 hingga 327 KTJ, Mahkamah Tinggi hanya mempunyai bidang kuasa menyemak semula prosiding jenayah dan perkara-perkara dari mahkamah rendah dan bukan terhadap keputusan sendiri. Tetapi, permohonan pihak pendakwaan adalah agar mahkamah menggunakan kuasa sedia ada bawah s. 25 AMK dan ss. 4 dan 5 KTJ. Malahan, tujuan Parlimen meminda s. 3 AMK adalah untuk mengelak kelewatan atau perbicaraan tertunda akibat pemfailan rayuan demi rayuan. Oleh itu, mahkamah mempunyai kuasa sedia ada mendengar notis usul oleh pihak pendakwaan. (perenggan 30, 33 & 34)

(4) Perintah yang dibuat pada 10 April 2017 jelas menunjukkan ia bukan suatu keputusan yang termasuk bawah s. 3 AMK. Perintah tersebut dibuat semasa dalam perjalanan perbicaraan yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad dan oleh itu perintah tersebut tidak boleh dirayu. Walaupun mahkamah *functus officio* setelah mendengar dan membenarkan permohonan untuk perintah yang dikeluarkan, perintah mahkamah yang muktamad boleh dipinda, diubah atau diketepikan sekiranya ia adalah untuk membetulkan kesilapan. (perenggan 35 & 36)

(5) Perintah yang diberi kepada pihak pendakwaan adalah betul. Oleh itu, mahkamah tidak membenarkan permohonan pihak pendakwaan memfailkan afidavit jawapan untuk menjawab permohonan OKT2. Walau bagaimanapun, menggunakan kuasa sedia ada untuk mencegah ketidakadilan serta tidak mencabuli pentadbiran keadilan, mahkamah meminda perintah tersebut dari aspek tempat dan masa untuk pakar lantikan OKT memeriksa dokumen-dokumen tersebut. Tempat pemeriksaan adalah di mahkamah pada tarikh dan masa yang disetujui pihak-pihak (perenggan 41 & 42)

(6) Timbalan Pendakwa Raya dalam notis tunjuk sebabnya, telah memberikan penjelasan yang mencukupi dan memuaskan hati bahawa tidak berlaku penghinaan mahkamah. Mahkamah menyatakan afidavit jawapan tidak perlu difailkan setelah membuat kesimpulan bahawa TPR menyetujui permohonan dalam notis usul OKT. Walau bagaimanapun TPR tersalah faham dan ini menimbulkan kekangan dan kegusaran untuk melaksanakannya. Tambahan lagi, TPR gagal mematuhi perintah mahkamah atas alasan ketuanya, Pengarah Pendakwaan Negeri, mengarahkan beliau tidak mematuhi perintah tersebut. Oleh itu, TPR tidak bertindak dengan cuai, sengaja atau dengan niat jahat. Malahan, kegagalan TPR tersebut tidak mengganggu atau menghalang apa-apa pelaksanaan pentadbiran keadilan undang-undang di mana prosiding perbicaraan dalam kes utama berjalan lancar, tiada pihak diprejudiskan atau mengalami kemudaratan. Pertuduhan penghinaan mahkamah tidak dibuktikan melampaui keraguan munasabah. (perenggan 44-50)

Kes-kes yang dirujuk:
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2010] 9 CLJ 625 FC ***(dirujuk)***
Lee Gee Pheng v. RHB Bhd [2003] 4 CLJ 639 CA ***(dirujuk)***
Noorazlina Shamsudin lwn. PP [2016] 1 LNS 564 CA ***(dirujuk)***
Uthayakumar Ponnusamy v. Abdul Wahab Abdul Kassim & Ors [2016] 7 CLJ 896 CA ***(dirujuk)***
Zainur Zakaria v. PP [2001] 3 CLJ 673 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, ss. 3, 25, 31
Criminal Procedure Code, ss. 4, 5, 51A, 112, 323, 327, 402A
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B
Rules of Court 2012, O. 53 r. 3(2)
Rules of the High Court 1980, O. 20 r. 11

(Permohonan Jenayah No: JA-44-54-2017)
Bagi pihak pemohon - P Taneswaran, James Joshua; T/n Thomazios, Tanes, Khoo & Paulraj
Bagi pihak responden - Roslan Mat Nor & Muhamad Taufik Saberi; TTPR

(Permohonan Jenayah No: JA-44-(69&70)-07-2017)
Bagi pihak pemohon - Roslan Mat Nor & Muhamad Taufik Saberi; TTPR
Bagi pihak responden - P Taneswaran, James Joshua; T/n Thomazios, Tanes, Khoo & Paulraj

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Mat Ghani Abdullah PK:

[1] Alasan penghakiman ini adalah bagi tiga perintah yang dibuat pada 7 Februari 2018 yang mana mempunyai kaitan antara satu sama lain. Ini kerana pemohon-pemohon (OKT1 dan OKT2 masing-masing) telah memfailkan notis usul (JA-44-54-07-2017) yang mempunyai kaitan dengan perintah bertarikh 10 April 2017 yang dikeluarkan oleh mahkamah ini. Sementara itu pula Timbalan Pendakwa Raya telah memfailkan dua notis usul (JA-44-69-07-2017 dan JA-44-70-07-2017) yang mempunyai kaitan langsung dengan suatu perintah bertarikh 10 April 2017 tersebut. Bagi memudahkan pengenalan pihak-pihak, pemohon-pemohon di dalam notis usul (JA-44-54-07-2017) dikenali sebagai tertuduh-tertuduh dan pemohon di dalam dua NU berikutnya dikenali Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Notis Usul Pertama (JA-44-54-07-2017)

[2] Di dalam notis usul ini pemohon iaitu tertuduh-tertuduh telah memohon perintah berikut:

1. Pemohon-pemohon diberikan kebenaran untuk memohon untuk suatu Perintah Pengkomitan untuk mengkomitkan ke penjara Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk dipenjarakan untuk satu terma/tempoh untuk ditentukan oleh Mahkamah yang mulia

ini untuk penghinaan terhadap Mahkamah individu tersebut atas tuduhan-tuduhan seperti yang dinyatakan di dalam Pernyataan Pemohon-Pemohon yang telah difailkan bersama-sama di sini:

(i) Fithril Hakim bin Ab. Jalil (selepas ini dikenali sebagai "Penghina") yang pada semua masa yang material melakukan penghinaan terhadap Mahkamah di dalam kapasitinya sebagai Timbalan Pendakwa Raya Johor yang mempunyai alamat penyampaiannya di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor, Aras 2, Bangunan Dato' Jaafar, Kota Iskandar, 79100 Iskandar Puteri, Johor.

2. Penghina membayar kos kepada permohonan ini dan kos bersampingan dengannya;

3. Notis tunjuk sebab yang dilampirkan kepada Notis Usul ini di Lampiran A diisukan oleh Mahkamah yang mulia ini; dan

4. Relif-relif dan/atau arahan lain dan/atau lanjutan yang dianggap suaimanfaat dan wajar oleh Mahkamah yang mulia ini.

[3] Alasan permohonan yang dinyatakan dalam NU tersebut adalah seperti berikut:

1. Notis Usul No. Permohonan Jenayah: MTJ (3) 44-19-04-2017 telah difailkan di Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru oleh Pemohon-Pemohon.

2. Notis Usul No. Permohonan Jenayah: MTJ (3) 44-19-04-2017 telah ditetapkan untuk pendengaran pada 10.04.2017 di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Yang Arif Mat Ghani bin Abdullah dengan kehadiran peguamcara Pemohon-Pemohon dan Penghina.

3. Perintah seperti yang telah dipohon oleh peguamcara Pemohon-Pemohon di Notis Usul No. Permohonan Jenayah: MTJ(3) 44-19-04-2017 telah diberikan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Yang Arif Mat Ghani bin Abdullah pada 10.04.2017.

4. Pada 19.04.2017, Penghina telah melalui mesej teks Whatsapp memaklumkan kepada salah seorang daripada peguamcara Pemohon-Pemohon, Encik Taneswaran a/l Palaraman bahawa dia telah menerima arahan untuk tidak mematuhi Perintah Mahkamah bertarikh 10.04.2017.

5. Oleh kerana Perintah Mahkamah bertarikh 10.04.2017 tersebut adalah Perintah yang sah dan terma-termanya boleh dikuatkuasakan oleh kerana Perintah tersebut tidak diketepikan, percubaan telah dibuat pada 23.04.2017 untuk melaksanakan terma Perintah Mahkamah bertarikh 10.04.2017 tersebut, tetapi telah dihalang oleh Penghina.

A

6. Pada semua masa yang berkenaan dan sehingga kini, tiada sebarang permohonan ataupun rayuan difailkan oleh Penghina dan/atau Pendakwa Raya di mana-mana Mahkamah dengan bidangkuasa yang selaras ataupun lebih tinggi daripada Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru untuk mencabar dan/atau mengetepikan Perintah Mahkamah bertarikh 10.04.2017 tersebut.

B

7. Penghina bersalah untuk Penghinaan Mahkamah oleh kerana telah dengan sengaja mengabaikan Perintah Mahkamah bertarikh 10.04.2017.

Notis Usul Kedua (JA-44-69-07-2017)

C **[4]** Ekoran dari notis usul pertama itu Timbalan Pendakwa Raya telah memfailkan notis usul pada 30 Julai 2017 yang mana memohon agar perlaksanaan perintah bertarikh 10 April 2017 digantung. Alasan permohonan tersebut adalah seperti berikut:

D

4. Notis Usul tersebut telah disokong oleh Afidavit Sokongan yang dideposkan oleh Pang Chan Kok William.

   Sesalinan Afidavit Sokongan Pang Chan Kok Willian dikemukakan dan ditandakan sebagai ekshibit "MTBS-2".

E

5. Pada tarikh perbicaraan kes tersebut Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan kes itu telah tidak dibenarkan memfailkan Afidavit Jawapan bagi membantah permohonan tersebut.

6. Mahkamah telah membenarkan permohonan oleh Responden pada tarikh yang sama.

F

7. Pemohon akan memfailkan satu permohonan perlanjutan masa untuk pemfailan rayuan ke atas keputusan tersebut di Mahkamah Rayuan. Sekiranya perlanjutan masa tersebut dibenarkan satu Notis Rayuan akan difailkan di Mahkamah Rayuan.

8. Pemohon juga akan memohon di Mahkamah yang mulia ini untuk mengkaji semula dan mempertimbangkan semula notis permohonan tersebut.

G

Notis Usul Ketiga (JA-44-70-07-2017)

[5] Kemudian pada hari yang sama Timbalan Pendakwa Raya telah memfailkan satu lagi notis usul memohon perintah-perintah seperti berikut:

H

i. Perintah bertarikh 10.04.2017 adalah tidak teratur dibuat dan dibenarkan undang-undang; dan

ii. Pemohon tidak diberikan peluang untuk menyediakan Afidavit Jawapan terhadap Afidavit Sokongan yang diikrarkan oleh penama Pang Chan Kok William bertarikh 6 April 2017; dan

I

iii. Pemohon telah diprejudiskan dalam hal ini;

iv. Apa-apa relief lain yang adil dan suai manfaat oleh Mahkamah yang mulia ini.

[6] Alasan permohonan ini adalah seperti di dalam afidavit oleh Tuan Fithril Hakim bin Ab. Jalil (FHJ) pada perenggan 5, 6, 7 menyatakan seperti berikut: (kandungan 2)

> 5. Pada tarikh perbicaraan kes tersebut. saya tidak dibenarkan memfailkan Afidavit Jawapan bagi membantah Permohonan tersebut. Pihak Plaintif telah membantah permohonan Notis Usul tersebut dengan alasan permohonan tersebut tidak teratur dan tidak mengikut ketetapan undang-undang. Plaintif juga membangkitkan isu kegagalan pihak Defendan-Defendan menyerahkan sesalinan permohonan Notis Usul tersebut kepada pihak Plaintif.
>
> 6. Mahkamah telah tidak membenarkan pihak Plaintif menyediakan Afidavit Jawapan terhadap Afidavit Sokongan penama Pang Chan Kok William.
>
> 7. Mahkamah telah membenarkan permohonan oleh Defendan-Defendan pada tarikh yang sama. Sesalinan Perintah bertarikh 10.04.2017 dikemukakan dan ditandakan sebagai ekshibit "FHAB-3". Saya yakin dan percaya pihak Plaintif tidak diberikan peluang pendengaran yang adil semasa pendengaran notis usul tersebut.

Latar Belakang Permohonan

[7] Untuk memahami alasan penghakiman ini ada baiknya dibentangkan latar belakang yang membawa kepada permohonan ini. Bagi tujuan alasan ini pihak-pihak dikenali sebagai berikut: Jegatheson a/l Subramaniam (OKT1) dan Kavitha a/p Kumaran iaitu OKT2 (selepas ini dikenali sebagai OKT1 dan OKT2 masing-masing) telah dituduh di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (DDA) di dalam kes bicara 45A-38-11-2016 (selepas ini dirujuk sebagai kes utama).

[8] Kes utama ini telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 10 April 2017. Akan tetapi sebelum bermulanya perbicaraan tersebut kedua-dua OKT telah memfailkan satu notis usul memohon agar Pang Chan Kok William (No. Pasport Singapura: E5140722K) diberikan kebenaran untuk memeriksa salinan asal senarai geledah bertarikh 19 April 2016 dan salinan asal rakaman percakapan s. 112 KTJ yang dikatakan ditandatangani oleh OKT2. Notis usul tersebut telah disokong oleh afidavit sokongan yang dideposkan oleh penama Pang Chan Kok William pada 6 April 2017. Alasan permohonan ini adalah kerana Pang Chan Kok William yang telah memeriksa salinan fotokopi kedua-dua dokumen tersebut telah mengeluarkan report awal yang mengatakan bahawa terdapat bukti kukuh yang menunjukkan bahawa OKT2 tidak menandatangani dokumen tersebut.

[9] Setelah meneliti notis usul di dalam kes 44-19-04-2017 dan afidavit sokongan, apa yang dipohon oleh responden adalah supaya diberikan kebenaran kepada pakar lantikan responden iaitu Chan Kok William (No. Pasport Singapura: E5140722K) untuk memeriksa salinan asal senarai

A geledah bertarikh 19 April 2016 dan salinan asal rakaman percakapan s. 112 oleh Kavita a/p Kumaran (OKT2) bertarikh 24 April 2016 di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor pada masa dan tarikh yang ditetapkan oleh mahkamah ini. Kedua-dua dokumen tersebut adalah dokumen yang mana pada dasarnya tertuduh berhak memperolehi sesalinan
B penyediaan pembelaannya kerana ia tergolong di bawah s. 51A KTJ dan dibenarkan menurut undang-undang.

[10] Malahan kedua-dua salinan dokumen telah pun dibekalkan kepada OKT akan tetapi apa yang dipohon oleh pihak responden adalah untuk pakar lantikan OKT memeriksa dokumen asal bagi tujuan penyediaan pembelaan
C mereka. Di dalam hujahan lisan TPR Fithril Hakim bin Jalil (FHJ), Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan perbicaraan utama masa tersebut, semasa pendengaran permohonan bertarikh 10 April 2017, mengatakan pada dasarnya beliau tidak ada halangan untuk membenarkan permohonan OKT tersebut akan tetapi pada masa yang sama beliau
D memerlukan masa untuk memfailkan afidavit bagi menjawab permohonan tersebut dan juga untuk mendapat arahan lanjut pada ketika itu.

[11] Malahan juga di perenggan 11 ms. 21 hujahan TPR Muhamad Taufik (TPR yang mengendalikan permohonan sekarang ini) mengatakan jika mahkamah mengarahkan atau membenarkan kedua-dua dokumen tersebut
E untuk diperiksa ia bolah dilakukan di mahkamah. Beliau berkata:

> Malahan dokumen berkenaan telah dikemukakan sebagai ekshibit di Mahkamah pada 24.07.2017. Pada masa yang sama statement Responden Kedua salinan asalnya boleh diperiksa di Mahkamah dengan mudah sekiranya diarahkan sedemikian oleh Mahkamah.

F **[12]** Oleh yang demikian berdasarkan persetujuan TPR FHJ sendiri di dalam prosiding tersebut dan juga kedua-dua dokumen tersebut adalah dokumen yang tergolong di bawah s. 51A KTJ yang mana pada dasarnya tertuduh berhak memperolehi sesalinan bagi tujuan penyediaan pembelaannya, maka atas sebab inilah saya telah mengeluarkan perintah seperti berikut:

G

> Atas persetujuan Permohonan Notis Usul para 1 ini dibenarkan iaitu permohonan untuk memeriksa salinan asal geledah dan salinan asal rakaman percakapan Seksyen 112 Kavita a/p Kumaran diadakan pada 23 April 2017 jam 2.30 petang di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

H **[13]** Malangnya apabila tiba tarikh 23 April 2017, TPR FHJ telah gagal mematuhi perintah yang saya keluarkan tersebut. Lanjutan itu pihak tertuduh telah memfail NU *ex parte* sekarang ini memohon kebenaran untuk suatu perintah pengkomitan terhadap TPR FHJ kerana ingkar mematuhi perintah bertarikh 10 April 2017 tersebut. Bersama-sama NU ini juga difailkan satu
I pernyataan memperincikan fakta yang membawa kepada permohonan ini. (rujuk lampiran 2)

[14] Kemudiannya pada 13 Julai 2017 setelah menimbang permohonan *ex parte* tersebut saya telah memberi kebenaran kepada permohonan perintah pengkomitan dan notis tunjuk sebab (NTS) dikeluarkan dan diserahkan kepada TPR FHJ.

[15] Lanjutan perintah kebenaran kepada permohonan perintah pengkomitan dan NTS tersebut TPR FHJ telah memfailkan pernyataan tunjuk sebabnya bagi menjawab NTS yang diserahkan kepada beliau. Di dalam jawapan tersebut beliau mengatakan:

> 2. Saya ingin menyatakan bahawa saya tidak melakukan penghinaan kepada Mahkamah dengan sengaja tidak menghiraukan dan mematuhi perintah Mahkamah bertarikh 10.4.2017. Ini adalah disebabkan pihak pendakwaan akan mengemukakan Notis Usul untuk Mahkamah yang mulia ini mengkaji semula perintah tersebut. Pada masa yang matan, saya yakin dan percaya bahawa Notis Usul akan didengar oleh Mahkamah yang mulia ini.
>
> 3. Saya juga ingin menafikan bahawa saya telah tidak melayan perintah Mahkamah bertarikh 10.4.2017 seolah-olah ia merupakan perintah kertas. Sebaliknya, saya menghormati perintah tersebut sebagai suatu perintah Mahkamah yang sewajarnya. Oleh yang demikian, Notis Usul telah difailkan bagi perintah tersebut dikaji semula. Ini menunjukkan Yang Arif saya tidak memperlekehkan perintah tersebut dan menggunakan prosedur undang-undang bagi membolehkan Mahkamah ini mengkaji semula perintah tersebut serta pihak pendakwaan diberi peluang untuk mengemukakan Afidavit Jawapan.
>
> 4. Saya juga ingin menyatakan bahawa saya tidak dengan sengaja menghalang pencapaian matlamat keadilan. Ini dapat dibuktikan melalui tindakan pihak saya mengemukakan dokumen Search List melalui pegawai serbuan semasa perbicaraan pada 24 dan 25.7.2017. Pada tarikh tersebut pihak peguambela Pemohon-pemohon berpeluang untuk mengemukakan soalan kepada saksi itu berkenaan dokumen tersebut. Ini adalah berbeza sekiranya saya tidak jelas dan nyata saya ingin menghalang pencapaian matlamat keadilan. Adalah ditegaskan di sini saya tidak berbuat demikian.
>
> 5. Akhir kata, saya ingin menyatakan bahawa segala tindakan saya yang dikatakan ketidakpatuhan perintah Mahkamah bertarikh 10.4.2017 bukanlah satu penghinaan Mahkamah yang sengaja saya lakukan dengan niat untuk memperlekehkan perintah Mahkamah yang mulia ini atau menghalang pencapaian matlamat keadilan oleh Mahkamah yang mulia ini.

Keputusan Bagi Permohonan Jenayah No: JA-44-69-07-2017 Dan JA-44-70-07-2017

[16] Walaupun NU JA-44-54-07-2017 telah difailkan terlebih awal dari dua NU yang lain itu akan tetapi apa-apa dapatan saya bagi NU JA-44-69-7-2017 dan JA-44-70-07-2017 akan mempunyai efek secara langsung dengan

A dapatan saya bagi permohonan NU JA-44-54-07-2017. Oleh itu, wajarlah isu di dalam NU JA-44-69-07-2017 dan JA-44-70-07-2017 dibincangkan terlebih dahulu.

Adakah Benar TPR Fithril Hakim bin Ab. Jalil (FHJ) Tidak Dibenarkan Memfailkan Afidavit Balasan

B

[17] Sebelum mahkamah ini menimbang asas permohonan ini wajar diteliti dakwaan TPR Tuan FHJ di dalam afidavit sokongan dan jawapan kepada NTS beliau yang mengatakan mahkamah ini telah tidak membenarkan pihak plaintif menyediakan afidavit jawapan terhadap afidavit sokongan penama Pang Chan Kok William.

C

[18] Pemohon di dalam afidavitnya di perenggan 5, 6, 7 menyatakan:

> 5. Pada tarikh perbicaraan kes tersebut. saya tidak dibenarkan memfailkan Afidavit Jawapan bagi membantah Permohonan tersebut. Pihak Plaintif telah membantah permohonan Notis Usul tersebut dengan alasan
D permohonan tersebut tidak teratur dan tidak mengikut ketetapan undang-undang. Plaintif juga membangkitkan isu kegagalan pihak Defendan-Defendan menyerahkan sesalinan permohonan Notis Usul tersebut kepada pihak Plaintif.
>
> 6. Mahkamah telah tidak membenarkan pihak Plaintif menyediakan
E Afidavit Jawapan terhadap Afidavit Sokongan penama Pang Chan Kok William.
>
> 7. Mahkamah telah membenarkan permohonan oleh Defendan-Defendan pada tarikh yang sama. Sesalinan Perintah bertarikh 10.04.2017 dikemukakan dan ditandakan sebagai ekshibit "FHAB-3". Saya yakin dan percaya pihak Plaintif tidak diberikan peluang pendengaran yang adil
F semasa pendengaran notis usul tersebut.

[19] Apabila meneliti nota keterangan di mana perintah bertarikh 10 April 2017 itu dikeluarkan, didapati tiada keadaan yang menunjukkan saya tidak membenarkan Tuan FHJ untuk memfailkan afidavit jawapan kepada permohonan OKT tersebut. Ini kerana pengataan lisan beliau sendiri
G dengan jelas menunjukkan pada dasarnya dan hakikatnya beliau boleh bersetuju untuk kedua-dua dokumen asal tersebut diperiksa oleh pakar lantikan OKT tersebut. Walaupun benar pada peringkat awalnya Tuan FHJ memohon masa untuk menjawab afidavit responden dan mendapat arahan untuk membantah permohonan tersebut akan tetapi selanjutnya di dalam
H nada yang sama di sebalik bantahan tersebut beliau boleh bersetuju dengan permohonan tersebut. Ini jelas dapat dilihat di dalam nota keterangan pada keseluruhan prosiding pada 10 April 2017 pada ms. 3 hingga 8 nota keterangan yang mengatakan:

I

Timbalan Pendakwa Raya (TPR):

Ya. Yang Arif, untuk rekod Mahkamah Yang Arif pihak pendakwaan baru saja menerima sepertimana yang Mahkamah sedia maklum bahawa Notis Usul baru saja diterima dan juga affidavit juga baru diterima, Yang Arif. Yang pertamanya, Yang Arif arahan ke atas saya adalah untuk membuat bantahan awal terhadap Notis Usul ini. Yang pertamanya adalah berkenaan dengan alasan untuk mendapatkan keterangan berkenaan dengan fraud signature tidaklah berkait terus dengan kes pendakwaan. Di mana kes pendakwaan Yang Arif ingin membuktikan melalui salinan serahan tersebut jadi 112 adalah untuk membuktikan kehadiran mereka saja di tempat kejadian dan juga terdapat satu list yang mana telah diserahkan, dirampas oleh pihak RO iaitu pengadu dan juga rakaman mereka telah diambil. Sekiranya pihak pembelaan ingin menunjukkan bahawa dengan ketiadaan signature itu menunjukkan mereka tiada di tempat kejadian saya percaya lebih elok sekiranya pihak pembelaan memasukkan notis alibi 402A sekiranya itu adalah niat mereka dan sekiranya niat mereka adalah untuk menunjukkan bahawa tiada sebarang rampasan dibuat saya percaya perkara tersebut boleh disoal balas sewaktu pengadu dipanggil. Jadi saya percaya tidak perlu sebarang Notis Usul untuk melihat sebarang. Itu adalah arahan untuk perkara tentang Notis Usul, Yang Arif. Walau bagaimanapun, arahan selanjutnya Yang Arif sekiranya Mahkamah membenarkan permohonan ini pihak pendakwaan tiada masalah untuk memberikan laluan untuk melihat signature tersebut, original signature pada tarikh yang lain of course dan juga kami, Mahkamah sedia maklum kami juga tidak dapat menjawap affidavit ini pada hari ini. Sekiranya Mahkamah membenarkan kami memohon satu tarikh untuk reply affidavit dan juga perkara Notis Usul. Itu saja.

Mahkamah: Encik Fitril,

TPR: Ya, saya.

Mahkamah: Untuk penjelasan ya, pada awalnya mengatakan akan membantah.

TPR: Benar.

Mahkamah: Tapi pada dasarnya boleh membenarkan?

TPR: Untuk Notis Usul ini arahan kepada saya untuk bantahan awal. Sekiranya bantahan saya ini ditolak untuk penemuan saya percaya saksi-saksi pakar untuk pergi ke pejabat untuk melihat kami tiada bantahan sebenarnya.

Mahkamah: Itulah permintaan mereka, so saya rasa untuk tidak buang masa boleh saya benarkan permohonan ini atas persetujuan untuk saksi pakar pergi ke pejabat pihak pendakwaraya tanpa mengeluarkan apa-apa dokumen dari sana. Untuk melihat saja.

Peguambela: That's correct. Untuk membuat pemeriksaan di pejabat mereka.

A Mahkamah: Pemeriksaan di pejabat saja. Ya?

TPR: Jadi ini adalah arahan maknanya order for Notis Usul

Mahkamah: Tidak, sekarang ini Encik Fithril kata sekiranya, sebab itu, saya tidak faham, pada dasarnya dia membantah tetapi

B TPR: Okay, Yang Arif bantahan saya adalah untuk, saya memerlukan the reason of permohonan ini dibuat sebenarnya.

Mahkamah: Sekiranya permohonan ini dibenarkan apakah prejudis kepada pihak pendakwaan?

C TPR: Tiada.

Mahkamah: Tiada so saya rasa tidak nampak kenapa itu

TPR: Benar.

Mahkamah: So saya rasa untuk tidak buang masa saya boleh benarkan tetapi kita tidak tangguh bicara. Kita proceed juga.

D

Peguambela: Baik, Yang Arif.

TPR: Terima kasih, Yang Arif. Dengan izin, Yang Arif

Mahkamah: Boleh saya bagi, bila tarikh hendak diperiksa

E Peguambela: Sekiranya dibenarkan Yang Arif saya pohon 2 minggu pada 25 bulan ini.

[20] Bahkan Tuan FHJ sendiri telah mengakui bahawa beliau sendiri yang mengendalikan kes tersebut dan kertas siasatan kes tersebut berada di tangannya pada masa tersebut. Dengan keadaan ini sudah semestinya beliau
F mempunyai kuasa dan berpengetahuan terhadap kes tersebut untuk memutuskan apa-apa tindakan berkaitan kes tersebut. Oleh yang demikian, beliau juga orang kompeten untuk mendepos afidavit berkaitan kes ini dan seterusnya mengendalikan prosiding permohonan tersebut. Persetujuan beliau sendiri dari meja peguam sudah memadai untuk menjawab
G permohonan tersebut tanpa perlu mengemukakan afidavit jawapan yang akan dideposkan oleh beliau sendiri. Beliau mengatakan:

> TPR: Yang Arif, saya percaya untuk pihak pembela menyediakan pakar dia perlulah datang ke pejabat dan kertas siasatan dalam simpanan saya dan setakat ini setiap minggu saya akan berada di Mahkamah tetapi petang
H saya akan berada di bilik. Saya percaya akan ikut tarikh pihak pembela, sesuai Yang Arif.

[21] Apabila membaca keseluruhan nota keterangan dalam prosiding tersebut saya percaya sesiapa sahaja akan bersetuju dengan saya bahawa TPR FHJ telah bersetuju untuk memenuhi kehendak responden sebagaimana di
I dalam permohonan tersebut. Malahan beliau sendiri telah memberi tarikh yang sesuai bagi beliau untuk pakar tersebut hadir ke Pejabat Pendakwaan

Negeri Johor bagi tujuan pemeriksaan berkenaan. Maka, atas asas ini adalah tidak benar untuk Tuan FHJ mendakwa dan menuduh mahkamah ini telah tidak membenarkan beliau memfail afidavit jawapan. Pada pendangan saya, kenapa perlu saya memberi masa untuk menjawab afidavit bagi permohonan tersebut sedang jawapan lisan beliau adalah jelas dan nyata pada hakikatnya beliau boleh bersetuju dengan permohonan responden tersebut. Bukan ini akan membuang masa dan sumber sedangkan pada hari tersebut telah ditetapkan untuk perbicaraan yang mana saksi-saksi telah pun hadir dan malahan perbicaraan telah pun dimulakan.

[22] Berdasarkan persetujuan beliau sendiri di dalam prosiding tersebut untuk membenarkan kehendak responden maka atas sebab inilah saya telah mengeluarkan perintah atas persetujuan pihak-pihak. Ini dapat dilihat di ms. 8 nota keterangan.

> Mahkamah: Sebelah petang ya. Atas persetujuan Permohonan Notis Usul para 1 ini dibenarkan iaitu permohonan untuk memeriksa salinan asal geledah dan salinan asal rakaman percakapan Seksyen 112 Kavita a/p Kumaran diadakan pada 23 April 2.30 petang di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

Adakah Responden Berhak Perkara Yang Dipohon Dalam Notis Usul

[23] Melihat pada notis usul dan afidavit sokongan, pada hemah saya apa yang dipohon oleh OKT2 adalah sesuatu yang dia berhak dan sah (legitimate) di sisi undang-undang serta wajar diberikan bagi penyediaan pembelaannya. Kedua-dua dokumen yang ingin diperiksa oleh pakar lantikan OKT2 adalah dokumen yang mana dia berhak kepada sesalinannya. Ini kerana dokumen tersebut adalah tergolong di dalam kategori s. 51A KTJ dan malahan semua salinan dokumen telah pun dibekalkan kepada OKT. Oleh itu, tiada sebab untuk pihak pendakwaan enggan untuk tidak membenarkan dokumen asal diperiksa oleh pihak responden melainkan pihak pendakwaan ingin menyembunyikan sesuatu atau mempunyai niat terselindung. Tambahan pula pihak OKT di dalam afidavit oleh pakar mereka mengatakan ada bukti kukuh yang menunjukkan OKT2 tidak menandatangani dokumen tersebut, atau dengan kata lain ada sebab untuk mempercayai tandatangan responden (OKT2) telah dipalsukan.

[24] Di dalam pengataan Tuan FHJ lagi, salah satu persoalan yang timbul ialah apakah alasan pihak OKT mahu memeriksa dokumen. Tuan FHJ menegaskan jika alasan berkaitan tandatangan fraud ia tidak berkaitan terus dengan kes pendakwaan dan jikanya OKT mendakwa tidak berada di tempat kejadian pada masa tersebut pihak pembelaan seharusnya memasukkan notis alibi di bawah s. 402A KTJ.

[25] Akan tetapi ini bukan isu alibi, ia lebih kepada isu krebiliti keterangan pihak pendakwaan. Pada pandangan saya, sekiranya ada sebab untuk mempercayai bahawa tandatangan OKT2 telah dipalsukan oleh pihak pendakwaan maka ada sebab juga untuk mempercayai adanya elemen tidak jujur atau fraud oleh Pendakwa Raya di dalam pembikinan kedua-dua dokumen tersebut. Jika ini berlaku, demi pentadbiran keadilan dan hak yang sepatutnya diperolehi dari segi undang-undang oleh seseorang tertuduh, maka pada pendapat mahkamah ini, dia berhak dengan apa yang dipohon. Sekiranya permohonan sedemikian tidak dibenarkan untuk perbicaraan yang adil yang merupakan prinsip universal telah dicabuli.

[26] Sekiranya pihak pendakwaan boleh mengadakan dokumen palsu kerana begitu taksub untuk membuktikan kes mereka terhadap tertuduh dan mendapat sabitan maka inferens boleh dibuat bahawa terdapat niat yang tidak jujur oleh pihak pendakwaan di dalam menuduh dan mendapat sabitan terhadap tertuduh. Maka pada masa tersebut pada pandangan saya tidak perlu bagi OKT untuk memberi alasan lanjut lagi kenapa mereka mahu memeriksa dokumen asal. Apa yang dinyatakan di dalam afidavit sokongan mereka alasan untuk permohonan tersebut sudah mencukupi dan mempunyai kaitan langsung dengan pertuduhan di dalam kes ini.

[27] Adalah amat menghairankan, jika sekiranya pihak tertuduh boleh dibekalkan dan juga berhak mendapatkan sesalinan dua dokumen tersebut bagi penyediaan pembelaannya, akan tetapi dinafikan untuk memeriksa dokumen asal walaupun alasan kukuh telah diberikan iaitu bahawa ada sebab untuk mempercayai dokumen itu telah dipalsukan atau dibikin secara tidak jujur. Oleh yang demikian, keputusan untuk mengeluarkan perintah tersebut adalah sama walaupun sekiranya Tuan FHJ diberikan masa menjawab afidavit tersebut.

Hujahan Responden (OKT) Berkenaan Permohonan

[28] Di dalam afidavit pihak OKT dan di dalam hujahan balasnya, peguam telah membantah permohonan ini atas alasan bahawa sesuatu Mahkamah Tinggi tidak mempunyai kuasa untuk membuat semakan terhadap keputusan atau perintahnya sendiri atau Mahkamah Tinggi yang lain. Peguam menegaskan permohonan oleh Mahkamah Tinggi hanya terhadap keputusan atas perintah oleh mahkamah bawahan merujuk s. 31 Akta 1964 dan s. 323 KTJ.

[29] Peguam terpelajar turut menegaskan bahawa perintah dibuat mahkamah ini pada 10 April 2017 tersebut adalah bersifat yang boleh dirayu dan tidak boleh tertakluk kepada semakan Mahkamah Tinggi. Peguam seterusnya berhujah terdapat dua kaitan sebab pertimbangan di dalam menentukan sama ada keputusan ini dibuat di dalam perjalanan sesuatu perbicaraan atau pendengaran atau perkara yang tidak melepaskan hak pihak-pihak secara muktamad.

Sama Ada Mahkamah Tinggi Mempunyai Bidang Kuasa Untuk Menyemak Atau Menimbang Semula Keputusannya Sendiri

[30] Memang benar pada dasarnya menurut s. 31 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (AMK 1964) (Courts of Judicature Act 1964) dan s. 323 hingga s. 327 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ), bahawa Mahkamah Tinggi hanya mempunyai bidang kuasa untuk menyemak semula prosiding jenayah dan perkara-perkara dari mahkamah rendah dan tidak terhadap keputusan sendiri. Akan tetapi apa yang dipohon oleh pihak pendakwaan di dalam permohonan ini ialah untuk mengguna kuasa sedia ada di bawah s. 25 Akta Mahkamah Kehakiman (Akta tersebut) dan juga ss. 4 dan 5 KTJ.

[31] Seksyen 25 Akta memperuntukkan:

> **Powers of the High Court**
>
> 25(1) Without prejudice to the generality of Article 121 of the Constitution the High Court shall in the exercise of its jurisdiction have all the powers which were vested in it immediately prior to Maaysia Day and such other powers as may be vested in it immediately prior to Malaysia Day and such other powers as may be vested in it by any written law in force within its local jurisdiction.

[32] Sementara ss. 4 dan 5 KTJ menyebut:

> 4. Kecualian kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi.
>
> Tiada apa-apa yang terkandung dalam Kanun ini boleh ditafsirkan sebagai pengurangan kuasa-kuasa atau bidang kuasa Mahkamah Tinggi.
>
> 5. Bila masanya boleh digunakan Undang-undang England.
>
> Berhubung dengan perkara yang berkaitan dengan prosedur jenayah yang mana tiada dibuat peruntukan khas oleh Kanun ini atau oleh mana-mana undang-undang yang lain yang sedang berkuatkuasa, maka undang-undang berkenaan dengan prosedur jenayah yang sedang berkuatkuasa di England itu hendak dipakai setakat mana ia tidak berlawanan atau tidak bersesuaian dengan Kanun ini dan boleh ia dijadikan sebagai tambahan kepadanya.

[33] Selanjutnya adalah tepat seperti hujahan Tuan TPR bahawa tujuan Parlimen di dalam meminda s. 3 Akta 1964 adalah untuk mengelakkan kelewatan atau perbicaraan tertunda akibat pemfailan rayuan demi rayuan. Ini dapat dilihat dalam kes *Noorazlina Shamsudin v. PP* [2016] 1 LNS 564:

> The underlying reason behind the amendment to the definition of "decision" in s. 3 of the CJA, introduced by Amendment Act A 1031 of 1998, which came into effect on 31 July 1998 is to stop parties from stalling a trial before the trial court by filing appeal after appeal on rulings made by the trial court in the course of a trial. This is what the amendment seeks to achieve as evident from the explanatory statement to the Bill which reads:

A 2. Clause 2 seeks to amend section 3 of Act 91.

At the moment, in the course of hearing a case, if the court decides on the admissibility of any evidence or document, the dissatisfied party may file an appeal. If such appeal is filed, the court has to stop the trial pending the decision of the appeal by the superior B court. This cause a long delay in the completion of the hearing, especially when an appeal is filed against every ruling made by the trial court. The amendment is proposed in order to help expedite the hearing of cases in trial courts.

[34] Saya bersetuju dengan penegasan pihak pendakwaan bahawa C mahkamah ini mempunyai kuasa yang sedia ada untuk mendengar notis usul yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[35] Melihat senario di dalam kes sekarang ini, perintah yang dibuat pada 10 April 2017 jelas menunjukkan ia bukan suatu keputusan yang termasuk di bawah s. 3 Akta. Ini kerana perintah tersebut dibuat semasa dalam D perjalanan sebuah perbicaraan yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad. Sebaik sahaja perintah itu dibuat, mahkamah ini telah memulakan perbicaraan pada hari yang sama dan pelaksanaan perintah tersebut belum dikuatkuasakan lagi. Maka perintah tersebut termasuk di dalam perjalanan perbicaraan. Oleh kerana perintah tersebut bukan E merupakan keputusan sebagaimana ditetapkan di bawah s. 3 Akta maka perintah tersebut tidak boleh dirayu terhadapnya. Sebagai pedoman dirujuk kes *Dato Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2010] 9 CLJ 625.

[36] Adalah betul hujahan peguam terpelajar bahawa sesuatu mahkamah itu telah *functus officio* setelah mendengar dan membenarkan permohonan untuk F perintah yang dikeluarkan. Sebagai suatu kaedah am, sebaik sahaja sesuatu perintah mahkamah digubal dan disempurnakan, ia tidak lagi boleh dipinda, diubah atau diketepikan. Akan tetapi prinsip ini tertakluk kepada beberapa pengecualian mantap yang boleh membenarkan sesuatu perintah itu dipinda, diubah atau diketepikan. Sesuatu perintah muktamad walau bagaimana boleh G dipinda, diubah atau diketepikan sekiranya salah satu ialah untuk membetulkan kesilapan apa yang dinyatakan niat mahkamah (to correct errors in expressions of the intention of the court (the slip rule) pursuant to O. 20 r. 11 of the RHC).

[37] Sebagai pedoman kepada prinsip ini dirujuk kes *Lee Gee Pheng v. RHB* H *Bank Bhd* [2003] 4 CLJ 639:

The appellant also complained that the learned judge erred in law and in fact in ruling that he was *functus officio* when deciding on the application. It is worthy of note that once an order of court has been drawn up and perfected, as in this case, it cannot be altered, varied or set aside as the I court is *functus officio*. The proper recourse for a party dissatisfied with the order is to appeal against it. However, this general principle is subject to

certain established exceptions which allow the court to set aside or amend a final order. A final order may be set aside or amended without the need to appeal in the following cases:

(i) **to correct errors in expressions of the intention of the court (the slip rule) pursuant to O. 20 r. 11 of the RHC**;

(ii) where the order is made in the absence of a party at the hearing: O. 28 r. 4(1); O. 32 r. 6; O. 35 r. 2 of the RHC;

(iii) where the order has been obtained in breach of natural justice: *Muniandy a/l Thamba Kaundan & Anor v. Development & Commercial Bank Bhd & Anor* [1996] 2 CLJ 586.

(iv) where the order contravenes a substantive statutory provision rendering it defective on grounds of illegality or lack of jurisdiction; and

(v) where the justice of the case requires the court to correct a serious defect in the order: *Badiaddin bin Mohidin v. Arab Malaysian Finance Bhd* [1998] 2 CLJ 75; *Selvam Holdings (Malaysia) Sdn Bhd v. Grand Kenyon & Eckhardt Sdn Bhd; BSN Commercial Bank Malaysia Bhd & Ors (Interveners)* [2000] 3 CLJ 16.

The present case does not fall within any of the abovementioned established exceptions. Both the appellant and her counsel knew of the hearing date and the appellant was present in court but chose not to say anything against the respondent's application for the 2nd order for sale. The learned judge was therefore correct in dismissing the appellant's application. (tekanan ditambah)

[38] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam sekiranya sesuatu mahkamah itu dengan sewenang-wenangnya membenarkan apa-apa perintah yang telah dikeluarkan untuk disemak semula oleh mahkamah ini atau Mahkamah Tinggi yang lain maka tiada kesudahannya atau pengakhirannya dan ini akan menyebabkan sesuatu mahkamah ini akan tercalar kerana tiada ketetapan di dalam membuat keputusan. Ini akan juga menyebabkan masyarakat akan hilang kepercayaan dan harapan kepada mahkamah sedemikian sekiranya keputusan yang dibuat boleh diubah-ubah dengan sewenangnya.

[39] Akan tetapi timbul persoalan sebagaimana dibangkitkan oleh pihak pendakwaan pihak pemohon; apakah remedi yang ada jika ada pihak yang tidak berpuas hati dengan sebuah perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah dan perintah tersebut tidak dapat dilaksanakan, diubah sesuatu kekangan atau kepayahan kepada pihak perintah itu ditujukan sedangkan perintah tersebut tidak boleh dirayu.

[40] Pada hemat saya, pada dasarnya sesuatu perintah yang tidak boleh rayu akan tetapi boleh dikaji semula, dipinda, diubah atau diketepikan sekiranya terdapat kekhilafan yang nyata dan berlaku perlanggaran keadilan

asasi (natural justice) sesuatu pihak semasa prosiding semasa perintah itu dikeluarkan dan menyebabkan ketidakadilan serta menjejaskan pentadbiran keadilan sekiranya perintah tersebut dilaksanakan.

[41] Di dalam kes kita sekarang ini saya berpendapat perintah yang diberikan terhadap pihak pendakwaan adalah betul yang mana pakar bagi pihak responden berhak memeriksa dokumen asal yang dinyatakan itu. Akan tetapi perintah mengenai tempat dan masa untuk pakar memeriksa dokumen tersebut dilihat telah menimbulkan kegusaran dan kepayahan kepada Tuan FHJ. Ini kerana melihat kepada hujahan dan afidavit balasan pihak pendakwaan, pada dasarnya mereka tidak keberatan untuk membenarkan kedua-dua dokumen tersebut diperiksa oleh pihak OKT di mahkamah ini sekiranya diperintahkan oleh mahkamah untuk berbuat demikian (rujuk hujahan ms. 20 perenggan 11):

> 11. Akhirnya adalah dihujahkan bahawa sekiranya terdapat kelewatan pihak pemohon mengemukakan notis usul ini iaitu lebih kurang 3 bulan selepas tarikh perintah tersebut dikeluarkan ianya tidak memprejudiskan pihak Responden. Di samping itu perintah tersebut juga tidak menjejaskan atau mengganggu perjalanan prosiding jenayah yang kini berada di akhir kes pendakwaan di mana setakat ini beberapa orang saksi telah dipanggil. Malahan dokumen berkenaan telah dikemukakan sebagai ekshibit di Mahkamah pada 24.7.2017. Pada masa yang sama statement Responden Kedua salinan asalnya boleh diperiksa di Mahkamah dengan mudah sekiranya diarahkan sedemikian oleh mahkamah.

Keputusan Bagi Permohonan Jenayah No: JA-44-70-07-2017

[42] Di atas alasan dinyatakan di atas, maka saya tidak membenarkan permohonan untuk pihak pendakwaan atau pemohon memfailkan afidavit jawapan bagi menjawab permohonan OKT2. Akan tetapi di sebalik itu dengan menggunakan kuasa sedia ada demi mencegah ketidakadilan serta tidak mencabuli pentadbiran keadilan agar semua pihak mencapai situasi menang-menang saya dengan ini meminda perintah tersebut dari aspek tempat dan masa untuk pakar lantikan OKT memeriksa dua dokumen tersebut. Tempat pemeriksaan tersebut adalah di mahkamah terbuka ini sebagaimana disarankan oleh pihak pendakwaan di dalam hujahan mereka yang mana tarikh dan masa akan ditetapkan dengan persetujuan kedua-dua pihak.

[43] Pada pandangan mahkamah ini perintah pindaan sedemikian semestinya tidak akan memprejudiskan dan tidak akan menyebabkan ketidakadilan mana-mana pihak kerana ia dapat memenuhi kehendak semua pihak serta adil dan saksama. Ini kerana permohonan OKT ini untuk pakar lantikan mereka memeriksa dua dokumen asal dibenarkan tercapai dan

masih tidak terlewat memandangkan pada masa perintah ini dikeluarkan prosiding bicara kes utama masih di peringkat pihak pendakwaan. Sementara bagi pihak pendakwaan pula, mereka juga tidak keberatan membenarkan permintaan tertuduh tersebut dengan syarat ia dibuat di mahkamah terbuka jika diperintah. Pihak pendakwaan sendiri mengakui bahawa kebenaran untuk menyemak dokumen asal tersebut tidak memprejudiskan pihak pendakwaan semasa perbicaraan kelak. Malahan dokumen asal borang geledah tersebut telah pun dikemukakan di mahkamah ini. Dengan itu perintah bertarikh 10 April 2017 dipinda seperti dinyatakan di atas.

Keputusan Bagi Permohonan Jenayah No: JA-44-54-07-2017

[44] Setelah mengkaji jawapan kepada notis tunjuk sebab (NTS) oleh Tuan FHJ (responden) didapati bahawa beliau telah memberikan penjelasan yang mencukupi dan memuaskan hati mahkamah bahawa tidak berlakunya penghinaan mahkamah.

[45] Saya boleh menerima penjelasan yang diberikan oleh Tuan FHJ bahawa beliau bukan dengan sengaja tidak menghiraukan dan mematuhi perintah mahkamah bertarikh 10 April 2017. Alasan yang diberikan bahawa beliau akan mengemukakan notis usul untuk mahkamah ini mengkaji semula perintah tersebut kerana atas kepercayaan bahawa beliau telah tidak diberi peluang untuk mengemukakan afidavit jawapan. Walaupun saya mendapati dan membuat kesimpulan pada dasarnya Tuan FHJ telah bersetuju dengan permohonan di dalam notis usul tersebut yang mana menyebabkan saya rasa tidak perlu lagi difailkan afidavit jawapan, akan tetapi ini telah disalah-fahami oleh beliau. Akibatnya saya mendapati perintah saya tersebut telah menimbulkan kekangan dan kegusaran terhadap Tuan FHJ untuk beliau melaksanakannya kerana semasa prosiding tersebut beliau ada menyatakan yang dia ingin mendapat arahan lanjut.

[46] Apabila meneliti keseluruhan dokumen di dalam semua prosiding di hadapan mahkamah ini, saya dapati bahawa terdapat arahan dari Tuan Roslan (Pengarah Pendakwaan Negeri Johor) yang mengarahkan beliau untuk tidak mematuhi perintah tersebut (rujuk afidavit OKT2 pada ms. 6 perenggan 14 dan pernyataan di dalam NU JA-44 54-07-2017). Maka dari sini jelas dapat dilihat bahawa kegagalan Tuan FHJ untuk mematuhi perintah tersebut bukan kehendak beliau tetapi disebabkan atas arahan ketua beliau, Pengarah Pendakwaan Negeri iaitu Tuan Roslan.

[47] Saya tidak tahu apakah sebabnya Tuan Roslan telah memberi arahan kepada Tuan FHJ supaya tidak mematuhi perintah tersebut. Jika tempat memeriksa dokumen tersebut menjadi halangan kepada pihak pendakwaan adalah suatu yang tidak munasabah. Ini kerana sepengetahuan saya Pejabat Pihak Pendakwaan merupakan salah satu tempat (venue) yang boleh diadakan persidangan sebelum bicara antara pihak pendakwaan dan

pembelaan. Jika ini dibolehkan kenapa tidak bagi keadaannya di dalam permohonan OKT untuk pakar lantikan mereka memeriksa dokumen tersebut. Oleh itu kegagalan Tuan FHJ untuk mematuhi terma perintah tersebut adalah sesuatu di luar keupayaan beliau sendiri oleh kerana arahan ketuanya tersebut. Oleh itu saya mendapati beliau telah tidak bertindak dengan cuai, dengan sengaja atau niat jahat.

[48] Sebenarnya perlanggaran terma perintah tersebut telah dilakukan oleh Tuan Roslan kerana arahan beliau tersebut. Malangnya permohonan untuk pengkomitan ini ditujukan kepada Tuan FHJ. Menurut A. 53 k. 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 permohonan kebenaran mengkomit harus disokong oleh suatu pernyataan yang menyatakan nama dan perihal pemohon serta nama dan perihal alamat pihak yang hendak dikomitkan dan alasan-alasan pengkomitannya. (rujuk *Uthayakumar Ponnusamy v. Abdul Wahab Abdul Kassim & Ors* [2016] 7 CLJ 896).

[49] Saya juga mendapati bahawa kegagalan Tuan FHJ mematuhi perintah tidak mengganggu atau menghalang sebarang pelaksanaan pentadbiran keadilan undang-undang. Walaupun perintah ini telah diberi dan tidak dipatuhi akan tetapi prosiding perbicaraan di dalam kes utama berkaitan dengan prosiding komital ini tetap berjalan dengan lancar, tiada pihak diprejudiskan atau mengalami kemudaratan. Pertuduhan menghina mahkamah hendaklah dibuktikan melampaui keraguan munasabah dan di dalam kes di hadapan kita sekarang ini didapati tidak terbukti. (rujuk kes *Zainur Zakaria v. PP* [2001] 3 CLJ 673; [2001] 3 MLJ 604).

[50] Walaupun benar Tuan FHJ tidak mematuhi perintah tersebut namun demikian saya dapati masih tidak terdapat penyalahgunaan proses mahkamah yang memberi kesan yang menjejaskan kuasa dan/atau integriti perbicaraan yang sedang berjalan ini. Kegagalan Tuan FHJ untuk mematuhi perintah tersebut hanya memberi kesan bahawa pada tarikh berkenaan Pang Chan Kok William tidak berjaya memeriksa dokumen seperti yang dinyatakan di dalam perintah tersebut. Akan tetapi demi pentadbiran keadilan, saya telah meminda perintah tersebut bagi membolehkan beliau memeriksa dokumen-dokumen tersebut di mahkamah terbuka pada tarikh dan masa yang dipersetujui oleh pihak-pihak. Mahkamah ini memutuskan meminda perintah tersebut kerana inilah niat asal saya yang masih mahu membenarkan pakar lantikan OKT memeriksa dokumen asal tersebut tetapi di tempat dan masa yang sesuai oleh semua pihak. Sebagaimana diputuskan di dalam kes kes *Lee Gee Pheng v. RHB Bhd (supra)* bahawa mahkamah boleh meminda sesuatu perintah sekiranya terdapat keadaan antara lainnya (to correct errors in expressions of the intention of the court (the slip rule) pursuant to O. 20 r. 11 of the RHC).

[51] Malahan permohonan yang dibuat oleh pihak pembelaan di dalam kes ini yang membawa perintah tersebut walaupun ada kaitan dengan perjalanan kes ini tetapi ia tidak menyebabkan pelupusan kes ini. Maka, jenis perintah yang diberikan tersebut tidak muktamad tetapi hanya bersifat interlokutori.

[52] Oleh yang demikian pertuduhan penghinaan terhadap Tuan FHJ tidak terbukti melampaui keraguan yang munasabah. Saya mendapati tiada perbuatan menghina mahkamah yang disengajakan oleh Tuan Fithril Hakim. Dengan itu permohonan untuk komital terhadap beliau ditolak.

Keputusan Bagi Permohonan Jenayah No: JA-44-69-07-2017

[53] Di dalam notis usul Timbalan Pendakwa Raya telah memohon agar perlaksanaan perintah bertarikh 10 April 2017 digantung. Oleh kerana perlaksanaan perintah bertarikh 10 April 2017 tersebut telah lama berlalu dan perintah tersebut telah pun dipinda seperti dinyatakan di atas, maka permohonan untuk mendapat penggantungan perlaksanaan adalah tidak diperlukan lagi kerana perintah tersebut tidak wujud lagi dan telah menjadi akademik.

[54] Akan tetapi untuk melengkapkan keadaan supaya lebih jelas lagi saya dengan ini membenarkan permohonan tersebut digantung bagi perlaksanaan perintah yang telah dipinda sehingga pihak-pihak boleh bersetuju mengenai tarikh dan masa untuk memeriksa dokumen asal yang menjadi hal perkara di dalam prosiding ini di mahkamah ini.